

CNS4056

U PB 21-02 00225 BH555

aab

Mahathir - Umno (Ulangan dgn intro baru)

KOTA KINABALU, 21⁹ Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan kemasukan Umno ke Sabah dan berkata ia membuka jalan kepada orang negeri ini menjadi Perdana Menteri, dengan syarat +merek mestilah berlagak sebagai anak Malaysia+.

Sehubungan itu, beliau menyangkal dakwaan sesetengah pihak kononnya kemasukan Umno ke negeri ini adalah satu bentuk penjajahan oleh parti itu dan oleh kerajaan pusat ke atas rakyat dan negeri Sabah.

Kata Perdana Menteri, :Jika orang Sabah boleh menjadi Presiden Umno, (dan jika) tradisi parti itu masih dikekalkan dan Umno masih kukuh, Insy Allah, Presiden Umno dari Sabah itu akan menjadi Perdana Menteri+.

+Bagaimanapun, orang Sabah mestilah berlagak bukan sebagai anak Sabah tetapi sebaliknya mereka mestilah mendakwa dirinya sebagai anak Malaysia dan dakwaannya itu mestilah terbukti dan boleh diterima,+ kata beliau ketika berucap merasmikan Perhimpunan Agung Usno kali ke 23 serta melancarkan kemasukan Umno ke Sabah di Dewan Perdana Wisma MUIS, di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno berkata, kemungkinan seumpama itu tidak akan menjadi kenyataan sekiranya pemimpin Umno dari Sabah itu bertanding untuk jawatan Majlis Tertinggi Umno dengan hanya menjadikan +kita anak Sabah+ sebagai asas.

+Kita mestilah bersikap bahawa kita adalah Bumiputera dan Melayu yang menjadi anggota Umno,+ katanya.-- Lagi

♥21/02/17-08MST

CNS4061

U PB 21-02 00201 BH556

aab

Mahathir - Umno 2 Kota Kinabalu '''

Hampir 10,000 orang daripada pelbagai keturunan membanjiri dewan dan kawasan sekitarnya. Di antara pemimpin-pemimpin yang turut hadir ialah Presiden Usno, Tun Datu Haji Mustapha Datu Harun, Menteri Penerangan merangkap Setiausaha Agung Umno, Datuk Mohamed Rahmat, Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz, Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Perusahaan Awam, Datuk Dr Yusof Noor dan Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Haji Abdul Rahim Tamby Chik.

Perdana Menteri berkata, dakwaan sesetengah pihak kononnya kemasukan Umno ke Sabah semata-mata dengan motif untuk menjajah penduduk dan negeri ini +lahir daripada kebimbangan bahawa Umno akan mengancam kedudukan mereka+.

Katanya, niat Umno berbuat demikian (memasuki Sabah) hanyalah untuk berkhidmat dan mengabdikan diri kepada rakyat negeri ini dengan cara yang lebih berkesan lagi.

Menurut beliau, Umno mahu menggembungkan seluruh tenaga rakyat Bumiputera di negeri ini dengan matlamat untuk menerajui pemerintahan kerajaan negeri yang kini dikuasai oleh sebuah kerajaan yang para menterinya semuanya +terdiri daripada Menteri Balak+.

+Kita mahukan sebuah kerajaan Sabah yang menterinya sentiasa bersalam-salaman dengan semua lapisan rakyat, mendengar penderitaan mereka dan berusaha mengatasi segala penderitaan itu,+ kata beliau. -- Lagi

♥21/02/17-14MST

aab

Mahathir - Umno 3 Kota Kinabalu '''

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, kerajaan negeri Sabah yang akan didirikan oleh Umno selepas pilihan raya akan datang akan bekerjasama dengan kerajaan pusat.

Sehubungan itu, beliau berharap Umno negeri ini membukakan pintunya kepada setiap orang Melayu dan kaum Bumiputera yang ingin menjadi anggota, walaupun mereka pernah mengkhianati Usno, termasuk daripada kalangan anggota dan pemimpin Parti Bersatu Sabah (PBS) yang memerintah, kerana jika +keanggotaannya hanya terhad kepada anggota-anggota Usno, Umno itu sendiri tidak akan sampai ke mana-mana+.

+Jika keanggotaan Umno di negeri ini sekadar terhad kepada anggota-anggota Usno, pencapaian kita pada pilihan raya akan datang mungkin tidak akan melebihi pencapaian Usno sekarang,+ kata Perdana Menteri, merujuk kepada sejumlah 12 kerusi yang dimemangi oleh Usno pada pilihan raya negeri yang lepas.

Beliau berkata sesebuah parti politik ditubuhkan bukan sekadar untuk mendapat keanggotaan tetapi untuk dijadikannya sebagai satu jentera untuk mencapai cita-cita parti itu sendiri serta memenuhi hasrat rakyat.

Beliau juga mengajak seluruh anggota Usno mencontohi Umno dengan sedia berkorban untuk menyertai parti yang menjadi tunggak pemerintahan kerajaan pusat itu.

Katanya, dalam mencapai cita-cita perjuangannya, Umno yang menjadi payung kepada orang Melayu di Semenanjung sanggup membuat satu pengorbanan yang besar iaitu bersetuju dengan keputusan menamakan gagasan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak sebagai Malaysia pada masa gagasan itu ditubuhkan pada 1963. -- Lagi

♥21/02/17-42MST

BH562

R GB 21-02 00245

aab

Mahathir - Umno 4 Kota Kinabalu '''

+Lihatlah betapa besarnya pengorbanan kita sehingga sanggup nama Tanah Melayu, yang membawa erti Land Of The Malays, ditukar kepada nama Malaysia demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat pelbagai kaum dan keturunan yang tinggal di dalam gagasan itu,+ kata Perdana Menteri.

Katanya, dalam mencapai cita-cita perjuangannya, Umno rela berundur setapak ke belakang +untuk mara dua...tiga hasta hingga 100 langkah ke depan+.

Datuk Seri Dr Mahathir memberi jaminan bahawa Umno Sabah akhirnya akan diterajui oleh anak Sabah juga dan perlantikan Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba sebagai Ketua Perhubungan Umno negeri ini sekarang adalah untuk sementara waktu saja iaitu sehingga urusan-urusan berkaitan penubuhan cawangan dan bahagian serta perluasan keanggotannya selesai.

+Umno Sabah tidak akan dikongkong oleh orang lain dan ia akan diterajui oleh anak Sabah juga kelak, sama seperti Umno di negeri-negeri lain di seluruh negara,+ katanya.

Perdana Menteri juga berharap parti Usno tidak dibubarkan walaupun sebilangan besar pemimpin dan anggotanya telah menyertai Umno kerana kalau ia dibubarkan +ada kemungkinan nama, bendera, lambang dan sebagainya yang berkaitan dengan Usno akan diambil oleh orang lain+.

+Apabila Barisan Nasional (BN) ditubuhkan pada 1970, kita masih mengekalkan Perikatan sehingga ke hari ini kerana kita tidak mahu orang lain menubuhkan Perikatan.

+Oleh itu, Usno mesti kekal, lambangnya mesti kekal, namanya mesti kekal dan benderanya mesti kekal tetapi ianya akan hanya dikendalikan oleh segelintir orang,+ kata Datuk Seri Dr Mahathir. -- Bernama

♥21/02/21-20MST